

20 SEP 2000

Siti Hasmah-Wanita

SIDANG KEDUA RSC-AP TUMPU KEPADA GOLONGAN TERMISKIN

PUTRAJAYA, 20 Sept (Bernama) -- Mesyuarat kali kedua Jawatankuasa Pemantau Kemajuan Wanita Luar Bandar dan Kepulauan Wilayah Asia Pasifik (RSC-AP) yang akan berlangsung di sini mulai 26 Sept ini akan menumpukan perhatian kepada perancangan untuk meningkatkan taraf hidup golongan termiskin melalui program mikro-kredit.

Pengerusi jawatankuasa itu Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali yang juga isteri Perdana Menteri berkata ini kerana program itu terbukti berjaya dilaksanakan di kalangan penduduk miskin di negara-negara anggota RSC-AP, khususnya di Malaysia.

"Untuk golongan termiskin ini, ia memerlukan pendekatan berbeza kerana mereka ini terlalu susah seperti tidak mempunyai rumah, sedangkan kalau golongan miskin kita cuma beri bantuan modal misalnya untuk mereka mulakan perniagaan kerana mereka ini dah ada rumah," katanya pada sidang berita mengenai mesyuarat itu di sini hari ini.

Beliau berkata mesyuarat itu juga akan digunakan untuk bertukar-tukar pengalaman dan kejayaan yang telah dicapai oleh negara-negara anggota dalam pelaksanaan pelan tindakan bagi menjayakan Deklarasi Geneva bagi kemajuan wanita luar bandar.

Katanya mesyuarat kali ini akan disertai 150 peserta dan sebanyak empat kertas kerja akan dibentangkan.

Mesyuarat selama tiga hari itu dijangka akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

RSC-AP yang dianggotai oleh Wanita Pertama dan isteri ketua-ketua kerajaan ditubuhkan pada 5 Sept 1995 bertujuan memantau pelaksanaan Deklarasi Geneva di peringkat rantau Asia Pasifik.

Deklarasi itu yang dihasilkan pada Sidang Kemuncak Mengenai Wanita Luar Bandar di Geneva pada 1992 antara lain menggariskan saranan-saranan bagi memajukan wanita luar bandar di seluruh dunia.

Selain Malaysia, 15 lagi negara yang menganggotai jawatankuasa tersebut terdiri dari Australia, Papua New Guinea, Tonga, Vietnam, Filipina, China, Indonesia, Pakistan, Iran, India, Maldives, Mongolia, Uzbekistan, Krygyzstan dan Kazakhstan.

-- BERNAMA

NM ZS LAT